

24 JAN 2003

Kelantan-Pelancong

KELANTAN TIDAK LAGI BERI TUMPUAN KEPADA PELANCONG BARAT

KOTA BAHARU, 24 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri Kelantan tidak lagi memberi tumpuan untuk menarik pelancong dari negara Barat melawat negeri ini sebaliknya berusaha menarik seberapa ramai kedatangan pelancong domestik.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Pelancongan, Kebudayaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kelantan, Anuar Tan Abdullah berkata pelancong dari luar negara tidak banyak menyumbang pendapatan kepada Kelantan.

Mereka tidak berbelanja kerana menjadikan Kelantan sebagai transit sahaja dan akan melancong ke tempat lain berbanding dengan pelancong domestik, katanya kepada pemberita selepas melancarkan program melukis gambar kambing terpanjang di negara ini sempena Tahun Baru Cina di hadapan sebuah pasar raya di sini hari ini.

Anuar Tan berkata tahun lepas, kira-kira 70 peratus daripada lebih 3.5 juta pelancong yang melawat negeri ini terdiri daripada pelancong domestik dan mereka menyumbang RM1 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Kelantan.

Bakinya yang sebahagian besarnya terdiri daripada pelancong Thailand, banyak berbelanja di beberapa pusat membeli-belah di Kelantan, katanya.

"Sebab itu kita tidak memberikan tumpuan sangat kepada pelancong Barat ini dan kita sasarkan pelancong domestik akan terus meningkat pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata tahun ini, kerajaan negeri mensasarkan kira-kira 4 juta pelancong akan berkunjung ke Kelantan hasil daripada promosi yang giat dilakukan oleh Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan.

Menurutnya Kelantan diibaratkan sesetengah pihak sebagai "syurga" membeli-belah" bagi penduduk Malaysia dan Thailand sehingga hotel di Kelantan dikatakan penuh pada setiap hari cuti dan ketika sambutan perayaan sesuatu kaum.

Sementara itu, beliau menafikan keadaan di Kelantan terutama di Kota Baharu begitu kotor sehingga menjejaskan imej kerajaan negeri pada kacamata pelancong luar.

"Keadaan di sini jauh berbeza dari dua tahun lepas dan tiada kekotoran seperti yang dilaporkan," katanya.

Anuar Tan juga menafikan bahawa demam denggi meningkat di Kelantan ekoran tahap kebersihan yang rendah di negeri itu dengan membuat perbandingan bahawa bilangan yang menghidap deman denggi di negeri ini lebih rendah daripada di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Kelantan pada 15 dan 16 Jan lepas turut menegur tahap kebersihan di negeri itu yang menurut beliau perlu ditingkatkan.

Anuar Tan yang diminta mengulas teguran itu hanya menyifatkannya sebagai "teguran politik" yang tidak menggambarkan sebagai keadaan sebenar tahap kebersihan di Kelantan.

Pada majlis itu, usaha kira-kira 500 pelajar menghasilkan lukisan sepanjang 311.1 meter berjaya mencatatkan rekod baru dalam Malaysia Book of Records, mengatasi rekod sepanjang 151 meter sebelum ini di Kuantan, Pahang.

Wakil Malaysia Book of Records Syazwan Zakariah kemudiannya menyerahkan sijil rekod tersebut kepada penganjur yang juga Ketua Biro Nanyang Siang Pau, Yeap Kheng Hwa.

-- BERNAMA
ZI BD LAT